

## Pengajaran Daripada Peperangan Hunain

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ  
سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah mudahan kita diberkati dan dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Ketika kita meraikan kemuliaan dan kemeriahan bulan Syawal ini, kita juga perlu menyedari bahawa dalam bulan yang mulia ini telah berlaku satu peperangan yang dinamakan peperangan Hunain. Peperangan ini disebut secara langsung oleh Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah al-Taubah ayat 25:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

لَقَدْ نَصَرَكُمُ اللَّهُ فِي مَوَاطِنَ كَثِيرَةٍ وَيَوْمَ حُنَيْنٍ إِذْ أَعْجَبَتْكُمْ كَثْرَتُكُمْ فَلَمْ تُغْنِ عَنْكُمْ شَيْئًا وَضَاقَتْ عَلَيْكُمُ الْأَرْضُ بِمَا رَحُبَتْ ثُمَّ وَلَّيْتُم

مُدْبِرِينَ ﴿٢٥﴾

Yang bermaksud: *Sesungguhnya Allah telah menolong kamu mencapai kemenangan dalam banyak peperangan, namun begitu (kamu tewas) di medan perang Hunain, iaitu semasa kamu merasa megah dengan sebab bilangan kamu yang ramai, maka bilangan yang ramai itu tidak mendatangkan faedah kepada kamu sedikitpun, dan semasa kamu merasakan bumi yang luas itu menjadi sempit kepada kamu, kemudian kamu berpaling undur melarikan diri.*

Peperangan Hunain ini berlaku antara umat Islam yang dipimpin oleh Rasulullah Sallallahu-alaihi-wassalam dengan Bani Hawazin yang diketuai oleh Malik bin Auf pada tahun ke lapan hijrah. Punca peperangan ini berlaku ialah Bani Hawazin ingin menghancurkan umat Islam yang telah berjaya menguasai kota Mekah. Inilah sifat musuh Islam sepanjang zaman yang sentiasa berusaha untuk melemahkan kekuatan umat Islam. Mereka sama sekali tidak akan membenarkan umat Islam membina kekuatan dalam semua aspek kehidupan sama ada politik, ekonomi dan ilmu pengetahuan. Benarlah firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah al-Baqarah ayat 120:

وَلَنْ تَرْضَىٰ عَنْكَ الْيَهُودُ وَلَا النَّصَارَىٰ حَتَّىٰ تَتَّبِعَ مِلَّتَهُمْ

Yang bermaksud: *Orang Yahudi dan Nasrani tidak akan senang kepada kamu hingga kamu mengikuti agama mereka*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Allah Subhanahu wa-Ta'ala mengingatkan umat Islam bahawa kemenangan dan kejayaan dalam hidup mereka adalah hasil daripada pertolongan Allah Subhanahu wa-Ta'ala. Tidak mungkin mereka akan memperolehi kemenangan dan kejayaan tanpa bantuan Allah Subhanahu wa-Ta'ala. Oleh itu kita dikehendaki sepanjang masa memohon pertolongan dengan Allah melalui amalan-amalan soleh seperti doa, zikrullah, menjauhi maksiat dan membuang sifa-sifat mazmumah. Nabi Sallallahu-alaihi-wassalam bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi:

وَإِذَا سَأَلْتَ فَاسْأَلِ اللَّهَ ، وَإِذَا اسْتَعْنَتْ فَاسْتَعِنِ بِاللَّهِ

Yang bermaksud: *Apabila kamu memohon mohonlah kepada Allah, dan jika kamu memohon pertolongan mintalah pertolongan daripada Allah.*

Sejarah kegemilangan umat Islam yang diasaskan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat adalah kerana mereka dikenali sebagai ahli ibadat pada malam hari dan pahlawan pada siang hari. Sifat mulia mereka inilah yang menjadikan mereka sentiasa mendapat bantuan dan pertolongan Allah Subhanahu wa-Ta'ala. Umat Islam akan kuat apabila mereka dekat dengan Allah dan apabila mereka jauh dengan Allah maka mereka akan lemah. Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah al-taubah ayat 25:

لَقَدْ نَصَرَكُمُ اللَّهُ فِي مَوَاطِنَ كَثِيرَةٍ

Yang bermaksud: *Sesungguhnya Allah telah menolong kamu mencapai kemenangan dalam banyak peperangan*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Dalam peperangan Hunain, Allah Subhanahu wa-Ta'ala telah mendidik umat Islam agar sentiasa memiliki sifat terpuji. Buat pertama kali mereka keluar berperang dengan jumlah yang ramai iaitu 12,000 orang berbanding sebelumnya. Sehingga ada dalam kalangan sahabat yang berbangga dengan jumlah tentera yang ramai. Mereka merasakan tidak akan kalah jika berlaku peperangan kerana jumlah mereka yang ramai. Mereka lupa bahawa kemenangan diperolehi dahulu adalah kerana pertolongan Allah Subhanahu wa-Ta'ala. Lalu Allah Subhanahu wa-Ta'ala menguji mereka dengan serangan musuh secara tiba-tiba, bumi terasa sempit sehingga mereka bertempiran lari untuk menyelamatkan diri. Perasaan kagum terhadap kekuatan tentera Islam menyebabkan Allah Subhanahu wa-Ta'ala menarik seketika pertolongan-Nya sebagai pengajaran kepada mereka.

Dengan hanya satu sifat mazmumah iaitu bangga diri telah mengundang kemurkaan Allah, maka bagaimana kita di akhir zaman ini akan memperolehi pertolongan Allah Subhanahu wa-Ta'ala? Adakah mungkin Allah akan menolong jika kita cuai beribadat kepada-Nya, melakukan maksiat dan diri kita dipenuhi dengan sifat-sifat mazmumah seperti mengumpat, hasad dengki sesama kita. Maka marilah kita bersatu padu supaya umat Islam kembali kuat dan mendapat kemenangan tanpa bantuan daripada musuh-musuh Islam. Ingatlah! Allah

Subhanahu wa-Ta'ala akan membantu kita selagi kita membantu agama Allah Subhanahu wa-Ta'ala. Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah Muhammad ayat 7:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن تَنصُرُوا اللَّهَ يَنصُرْكُمْ وَيُثَبِّتْ أَقْدَامَكُمْ ﴿٧﴾

Yang bermaksud : *Wahai orang-orang Yang beriman, kalau kamu membela (ugama) Allah nescaya Allah membela kamu (untuk mencapai kemenangan) dan meneguhkan tapak pendirian kamu.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلِكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي  
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.